

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 3/2022 :

PERKHIDMATAN PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN SME CORP. MALAYSIA 2021

1. OBJEKTIF

- 1.1 Buku Laporan Tahunan ini melaporkan prestasi bagi program dan inisiatif SME Corp. Malaysia sepanjang tahun 2021 serta kedudukan kewangan bagi tahun tersebut.
- 1.2 Memenuhi keperluan badan berkanun persekutuan yang menyatakan bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit haruslah dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan dibentangkan di Parlimen.

2. SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1 Penyediaan Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan Typesetting;
- 2.2 Menyediakan penulisan (*copywriting*) dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, dan terjemahannya (Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, dan sebaliknya), dengan menjalankan analisis yang berkaitan dan mentransformasikan sumber data (jadual, graf, carta dan sebagainya) ke dalam bentuk penulisan;
- 2.3 Menjalankan kajian melalui carian Internet atau penerbitan lain yang berkaitan dengan penulisan;
- 2.4 Menjalankan kerja-kerja penyuntingan dan *proof reading*;
- 2.5 Percetakan; dan
- 2.6 Menjalankan perkhidmatan berdasarkan jadual kerja yang ditetapkan (Lampiran 1).

3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Bayaran dibuat secara *one-off* selepas kesemua perkhidmatan disempurnakan dengan memenuhi keperluan dan kehendak ditetapkan.
- 3.2 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan telah menerima bekalan/

perkhidmatan berdasarkan *Delivery Order* dan Inbois daripada Pembekal.

4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut:
- **221601, 221614, 221615, 222004 & 222006.**
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan.
- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
- a) Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
 - b) Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja Penerbitan;
 - c) Tidak memenuhi syarat-syarat berkaitan Pereka Grafik; atau
 - d) Tidak mematuhi Jadual Penghantaran yang ditetapkan (Lampiran 1).
- 4.4 Berupaya untuk mencetak 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2021' dalam jangkamasa **14 hari termasuk hujung minggu** selepas mendapat kelulusan untuk mencetak daripada SME Corp. Malaysia.
- 4.5 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2021' dengan segala maklumat, gambar dan reka bentuk grafik yang diterbitkan adalah hak milik terpelihara SME Corp. Malaysia. Cetakan dan penerbitan semula 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2021' dan sebarang bahagian laporan tahunan ini oleh mana-mana pihak lain adalah tidak dibenarkan tanpa persetujuan bertulis daripada SME Corp. Malaysia.
- 4.6 Penghantaran sebanyak **650** naskah buku dan **260** buah *Pendrive* perlu dibuat dalam tempoh masa atau pada tarikh yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)* berdasarkan formula berikut:
- $$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$
- 4.7 Setiap penyebutharga perlu mengemukakan tawaran harga berdasarkan jumlah muka surat yang dinyatakan dalam spesifikasi.

**JADUAL PEMATUHAN DAN KOS SPESIFIKASI TEKNIKAL
PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN SME CORP. MALAYSIA 2021**

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
1. KEPERLUAN AM					
1.1	<p>Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah <u>semasa menawarkan sebut harga:</u></p> <p>a) Sekurang-kurangnya <u>tiga (3)</u> <u>Cadangan Reka Bentuk (<i>Proposed Designs</i>)</u> yang mencerminkan <u>Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia</u>, dalam bentuk <u>Visual Mock-up</u> kepada SME Corp. Malaysia yang mengandungi <u>perkara-perkara berikut:</u></p> <p>i) Reka bentuk Kulit Depan (<i>Front Cover</i>);</p> <p>ii) Reka bentuk Kulit Belakang (<i>Back Cover</i>);</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p>iii) Reka bentuk Pembahagi Bab (<i>Chapter Separators</i>);</p> <p>iv) Reka bentuk Halaman Dalam Buku (<i>Inner Pages</i>);</p> <p>v) Reka bentuk Halaman Tengah (<i>Centre Spread</i>) yang unik dan berdasarkan Konsep Kreatif; dan</p> <p>vi) Reka bentuk Graf, Diagram, Carta dan Jadual.</p> <p>b) <u>Cadangan jenis kertas untuk kulit buku (<i>book cover</i>) seperti berikut:</u></p> <p>i) Kertas khas (<i>Special paper</i>) 128gsm; atau</p> <p>ii) Kertas <i>art card</i> 128gsm</p> <p>c) <u>Kertas untuk halaman dalam buku (<i>inner pages</i>) menggunakan kertas jenis Matte</u></p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p>d) <u>Contoh laporan tahunan</u> jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan yang pernah diterbitkan oleh Pembekal.</p> <p>e) Profil Pereka Grafik.</p> <p>f) Salinan surat pelantikan Pereka Grafik (sebagai bukti status pelantikan sebagai pekerja tetap).</p> <p>g) Senarai dan Salinan Laporan Tahunan yang pernah dikendalikan oleh Pereka Grafik berkenaan.</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
1.2	<p>Menyediakan khidmat <u>Pereka Grafik yang berpengalaman</u> dengan kriteria berikut:</p> <p>a) <u>Pereka Grafik Mesti Bekerja Berpasukan:</u> Pembekal perlu menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pereka Grafik yang akan bekerja secara berpasukan di mana salah seorang daripadanya mestilah berstatus <u>Pereka Grafik Kanan</u> (<i>Senior Graphic Designer</i>)</p> <p>b) <u>Pekerja Tetap dengan Pembekal:</u> Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal mestilah berstatus pekerja tetap dengan Pembekal. Pekerja sambilan adalah tidak dibenarkan kecuali</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p>mempunyai pengalaman yang luas dalam mengendalikan laporan tahunan.</p> <p>c) <u>Kelayakan Pendidikan:</u> Pereka Grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai Diploma <i>Art & Design (Graphic Design / Visual Communication)</i> dengan pengkhususan dalam bidang Penerbitan atau yang setaraf dengannya.</p> <p>d) <u>Pengalaman Kerja:</u></p> <p>i) Pereka Grafik:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai pengalaman <u>sekurang-kurangnya selama 5 tahun</u> dalam bidang Reka Bentuk Grafik. ▪ Pernah <u>mengendalikan</u> penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan 				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p>berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan dari segi penyediaan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja <i>typesetting</i>.</p> <p>ii) Pereka Grafik Kanan (<i>Senior Graphic Designer</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai pengalaman <u>sekurang-kurangnya selama 10 tahun</u> dalam bidang Reka Bentuk Grafik. ▪ Mempunyai <u>pengalaman dan kemahiran tinggi</u> dalam menyediakan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja <i>typesetting</i> untuk penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun 				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p>Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan.</p> <p>e) <u>Mempunyai Peralatan dan Perisian Lengkap:</u> Pembekal perlu membekalkan Pereka Grafik yang ditugaskan dengan peralatan dan perisian yang lengkap bagi melaksanakan kerja-kerja penyediaan konsep, reka bentuk grafik, <i>typesetting</i> dan lain-lain kerja yang berkaitan.</p> <p>f) <u>Boleh dihubungi di luar waktu bekerja dan hujung minggu jika diperlukan serta dapat memberi maklum balas.</u> Pereka Grafik yang ditugaskan oleh Pembekal perlu bersedia untuk bekerja di premis SME Corp. Malaysia, di luar waktu pejabat, hujung minggu dan cuti</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	umum, apabila diperlukan dan pada peringkat akhir / pemuktamadan (<i>finalisation</i>), bagi memenuhi tarikh serahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.				
1.3	<p>Pihak Pembekal haruslah menjalankan <u>kerja-kerja kawalan kualiti</u> seperti berikut:</p> <p>a) Menyemak dan membaca pruf (proofreading) dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan, reka bentuk, visual, layout, format dan penyeragaman (<i>standardisation</i>) pada Reka Bentuk Grafik (termasuk Graf, Diagram, Carta, Jadual).</p> <p>b) Menyediakan Artwork Akhir Berwarna (Coloured Final</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p>Artwork) untuk kelulusan sebelum Pruf Warna (Colour Proof). Pembedulan haruslah dilakukan sehinggalah SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan artwork.</p> <p>c) Menyediakan Pruf Warna (Colour Proof) sekurang-kurangnya 50 muka surat untuk kelulusan SME Corp. Malaysia sebelum cetakan dibuat.</p>				
1.4	Menyerahkan <u>dua (2) salinan Salinan Induk (Masterfile)</u> (iaitu fail yang boleh digunakan semula / untuk penghasilan filem) bagi <u>Artwork Akhir (Final Artwork)</u> untuk reka bentuk kulit hadapan (berserta flip cover dan reka bentuk pada bekas pendrive), reka bentuk kulit belakang				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	buku dan isi kandungan dalam Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2021.				
2. PENYEDIAAN KONSEP KREATIF DAN REKA BENTUK					
2.1	<p><u>Kulit Depan:</u> Menyediakan Konsep Kreatif dan Reka Bentuk Kulit Buku yang dapat memaparkan isi kandungan buku. Logo SME Corp. Malaysia hendaklah di paparkan di muka depan buku.</p> <p><u>Kulit Belakang:</u> Logo SME Corp. Malaysia hendaklah dipaparkan di kulit belakang buku.</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
2.2	<p><u>Konsep Kreatif dan Reka Bentuk</u> yang dicadangkan <u>perlu</u> <u>berdasarkan:</u></p> <p>a) <u>Tema: SME's Road to Recovery Resilience & Reform</u> (tema akan dimuktamadkan oleh SME Corp. Malaysia kemudian)</p> <p>b) Peranan PKS sebagai penggerak ekonomi Malaysia;</p> <p>c) Melambangkan imej Malaysia; dan</p> <p>d) Imej berciri korporat.</p> <p>Menyediakan <u>Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang menarik</u> (dari segi susunan tataletak / layout, penggunaan warna, ruang dan sebagainya) yang <u>memenuhi standard dan keperluan SME Corp. Malaysia</u> serta <u>berdasarkan budi bicara SME Corp. Malaysia</u></p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
2.3	<p>Menyediakan:</p> <p>a) <u>Work-in-Progress Artwork</u> (Cetakan Digital) (5 salinan)</p> <p>b) <u>Work-in-Progress Mockup</u> (Cetakan Digital) (3 salinan)</p> <p>c) <u>Artwork Akhir (Final Artwork)</u> (Cetakan Digital) (3 salinan)</p> <p>d) <u>Final Mock-up</u> (Cetakan Digital) (2 salinan)</p> <p>e) Pisah Warna Filem dan Pruf Warna (sekurang-kurangnya <u>50</u> muka surat)</p> <p>SME Corp. Malaysia berhak menolak <i>mock-up</i> yang tidak berkualiti dan tidak memenuhi keperluan.</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
3. PERCETAKAN BUKU					
3.1	<p>a) <u>Cetakan Offset:</u> 4 Warna / 4-Colour (Kulit Buku & Halaman Dalam Buku)</p> <p><u>Jumlah Buku:</u> 650 naskah (dwibahasa dalam 1 buku)</p> <p>b) <u>Ukuran Buku:</u> i) <u>Saiz Tutup:</u> 20.3cm x 25.5cm ii) <u>Saiz Buka:</u> 40.6cm x 25.5cm iii) <u>Flip Page</u> (selepas Kulit Depan / <i>Front Cover</i> atau Kulit Belakang / <i>Back Cover</i>): 8.5cm x 25.5 cm</p> <p>C) <u>Jenis Kertas:</u> i) <u>Kulit buku (book cover)</u> <u>seperti berikut:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kertas khas (<i>Special paper</i>) 128gsm; atau 				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<ul style="list-style-type: none"> • Kertas <i>art card</i> 128gsm ii) <u>Halaman dalam buku (inner pages) menggunakan kertas jenis Matte</u> d) <u>Kemasan Kulit Buku:</u> <i>Matt lamination, Spot UV & Emboss / Deboss</i> e) <u>Jilid:</u> Jahit Benang + Gam (<i>Perfect Binding</i>) 				
3.2	Kelulusan mencetak adalah berdasarkan <i>final mock-up</i> yang dipersetujui dan diluluskan SME Corp. Malaysia.				
3.3	Pihak SME Corp. Malaysia berhak menolak cetakan Buku Laporan				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	Tahunan yang mempunyai kesalahan yang disebabkan pembekal.				
4. MEMBEKAL SALINAN SOFTCOPY (PENDRIVE)					
4.1	<p>a) Jumlah Pendrive: <u>260 unit</u> Pendrive mestilah dimasukkan <i>softcopy</i> Laporan Tahunan SME Corp. 2021 dan mempunyai logo SME Corp. Malaysia dan berkotak.</p> <p>b) Saiz Pendrive: 8 GB.</p> <p>c) Reka Bentuk Kulit Depan (Cover Design) dan Nombor Statut (akan diberikan oleh SME Corp. Malaysia) perlu <u>dicetak di atas permukaan atas pendrive.</u></p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
5. PEMBEKALAN KERTAS PELEKAT (PAPER STICKER)					
5.1	<p>a) <u>Pelekat (Sticker) Nombor Statut untuk Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Kuantiti</u> : 100 keping • <u>Saiz</u>: 20.3cm x 5cm. • <u>Warna</u>: Hitam / Putih. • Untuk ditampal pada buku. <p>b) <u>Pelekat (Sticker) Lampiran dan Embargo untuk Buku:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Kuantiti</u> pelekat 'Lampiran' : 70 keping. <u>Saiz</u>: 4cm x 1.5cm. • <u>Kuantiti</u> pelekat 'Embargo' : 70 keping. <u>Saiz</u>: 11cm x 3.5cm. • <u>Warna</u>: Hitam / Putih. • Untuk ditampal pada buku. 				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
6. PEMBEKALAN GAMBAR DAN IMEJ					
6.1	<p>a) <u>Membekal Gambar atau Imej Stok</u> (<i>stock photos / images</i>) dalam anggaran 50 keping meliputi:</p> <p>i) Gambar berkaitan PKS;</p> <p>ii) Imej dari Image bank yang berfokus kepada industri dan perkhidmatan PKS seperti pengilangan, pemakanan, <i>online marketing / business</i> yang berimejkan ASEAN; dan</p> <p>iii) Ilustrasi Vektor.</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
7. KRITERIA MINIMUM PENULIS					
7.1	<p>Kelayakan Pendidikan Penulis hendaklah mempunyai ijazah sarjana muda / sarjana dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Komunikasi Massa dengan pengkhususan kewartawanan; DAN/ATAU ii. Ekonomi/Perakaunan dengan sijil penulisan yang diiktiraf; DAN/ATAU iii. Yang setaraf dengannya. 				
7.2	<p>Pengalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai pengalaman menulis sekurang-kurangnya selama 10 tahun; ii. Mempunyai pengalaman bertugas sebagai editor atau penulis bagi buku laporan tahunan / penulisan 				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p> khas atau spesifik dan majalah ekonomi; dan</p> <p>iii. Mempunyai pengalaman dalam penulisan berkaitan dengan industri, perdagangan dan keusahawanan (contohnya MITI, MIDA, MATRADE, EPU dan sebagainya).</p>				
7.3	Profil / resume penulis hendaklah dikemukakan.				
8. KERJA-KERJA PENULISAN (COPYWRITING), TERJEMAHAN, PENYUNTINGAN, DAN PROOF READING					
8.1	<p>Memastikan pelaksanaan penulisan (<i>copywriting</i>) menggunakan lima (5) bidang tumpuan. Bidang tumpuan dan kerangka isi kandungan pelaporan adalah termasuk (tetapi tidak terhad):</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penerapan inovasi dan teknologi; 				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<ul style="list-style-type: none"> - Pembangunan modal insan; - Akses kepada pembiayaan; - Akses kepada pasaran; dan - Infrastruktur dan perundangan. <p>Antara kandungan bab penulisan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Chairman's Statement</i> - <i>Chief Executive Officer's Message</i> - <i>Corporate Information</i> - <i>Flagship Programmes and Initiatives</i> - <i>Key Events in 2021</i> - <i>Others (eg. success stories by SMEs)</i> 				
8.2	Penyampaian kandungan haruslah dalam bentuk yang mudah, menarik serta senang difahami oleh pihak berkepentingan.				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
8.3	Menyemak dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan, tatabahasa dan data-data pada graf / histogram / carta / jadual laporan dan lain-lain perkara yang berkaitan. Bagi tujuan ini, penyebutharga perlu mengenalpasti sekurang-kurangnya seorang wakil tetap yang akan bertanggungjawab mengenai kawalan kualiti. SME Corp. Malaysia berhak menolak deraf yang mempunyai kesalahan disebabkan kerja-kerja <i>proofread</i> yang tidak sempurna.				
8.4	Menganalisis dan mentafsir data berdasarkan jadual / graf / carta dan maklumat yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.				
8.5	a) Menemuramah sekurang-kurangnya lima (5) PKS yang telah dikenalpasti dan menulis hasil temuramah sebagai <i>input</i> bagi Kisah Kejayaan PKS.				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	<p>b) Mengadakan Sesi Fotografi Khas (live photography) bersama PKS yang ditemuramah. Gambar-gambar yang perlu diambil mestilah berkaitan industri PKS dan diambil secara 'candid' atau lakonan, termasuk gambar produk / perkhidmatan serta gambar personaliti usahawan PKS. Sesi ini perlu dilaksanakan oleh Jurugambar Profesional yang dilantik oleh Pembekal.</p> <p>c) Pembekal perlu menyerahkan softcopy gambar-gambar tersebut (high resolution) kepada SME Corp. Malaysia</p>				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
8.6	Penyebutharga perlu menyerahkan draf <i>softcopy</i> dalam bentuk Microsoft Word.				
8.7	Menyunting dan membuat <i>proofread</i> laporan sekurang-kurangnya tiga (3) kali draf minimum.				
9. KERJA-KERJA TERJEMAHAN					
9.1	Menterjemah seluruh laporan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia berdasarkan draf yang disediakan oleh penulis dan diluluskan oleh SME Corp. Malaysia yang meliputi bab berikut: <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Chairman's Statement</i> <i>ii. Chief Executive Officer's Message</i> <i>iii. Corporate Information</i> <i>iv. Flagship Programmes and Initiatives</i> 				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
	v. <i>Key Events in 2021</i> vi. <i>Others (eg. success stories by SMEs)</i> vii. <i>Financial Report</i>				
9.2	Menyunting dan membuat <i>proof-read</i> laporan yang diterjemahkan dan membuat pindaan hingga peringkat terakhir yang diluluskan oleh Pengurusan SME Corp. Malaysia.				
9.3	Penterjemah haruslah yang berkelayakan dari DBP / ITBM dan perlu mengemukakan salinan sijil DBP / ITBM serta dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia.				
9.4	Sekiranya pembekal menggunakan khidmat penterjemah lebih daripada seorang, maka perlu dibuat penyelarasan dari segi terma dan gaya terjemahan sebelum deraf dikemukakan kepada SME Corp. Malaysia.				

BIL.	SPESIFIKASI MINIMUM	SKOP KERJA YANG DIPATUHI		KUANTITI 200-250 MUKA SURAT (RM)	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (Sila nyatakan secara terperinci)
		YA	TIDAK		
9.5	Sebarang pindaan yang dilakukan pada versi bahasa Inggeris haruslah turut dipinda dan diterjemahkan ke versi bahasa Melayu dan sebaliknya.				
10. KELULUSAN DERAF AKHIR					
10.1	Penyebutharga perlu menyerahkan deraf secara berperingkat kepada SME Corp. Malaysia bagi tujuan kelulusan sepanjang tempoh pembekalan perkhidmatan.				
11. PENGHANTARAN LAPORAN TAHUNAN SME CORP. MALAYSIA 2021					
11.1	<u>Membuat Penghantaran Buku dan Pendrive:</u> Penghantaran 90 naskah buku dan 250 buah Pendrive 'Laporan Tahunan SME Corp. Malaysia 2021' ke Parlimen Malaysia .				

** sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi*

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 3/2022.

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :